

29/08/1999

Sultan mahu Umno, istana pereratkan hubungan

JOHOR BAHRU: Sultan Johor berharap hubungan rapat di antara Umno dan istana terus diperkukuhkan kerana kedua-dua institusi itu mempunyai fungsi penting dalam mencapai kemerdekaan dan pembangunan negara.

Malah, tegasnya, Istana Besar di sini mencatat sejarah sebagai tempat kelahiran Umno yang menjadi parti yang berjaya menyatupadukan orang Melayu sehingga hari ini.

"Umno bukan ditubuhkan di tepi jalan. Umno ditubuhkan di sini, di istana ini," kata baginda pada majlis jamuan di Istana Besar di sini, malam kelmarin.

Majlis itu yang diadakan sempena Kejohanan Badminton Piala Perdana, turut dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Perdana Menteri yang dalam rangka lawatan dua hari ke Johor berakhir semalam, dalam ucapan balasnya pula mengucapkan terima kasih kepada Sultan Johor kerana mengadakan majlis itu di tempat bersejarah, iaitu di tempat kelahiran rasmi Umno.

Dr Mahathir sependapat bahawa hubungan erat di antara Umno dan Istana Johor perlu dikekalkan agar kedua-dua pihak dapat menikmati faedah daripada kerjasama rapat itu.

Perdana Menteri berkata, Istana Besar mempunyai fungsi penting dalam menjalinkan hubungan erat di antara Umno dengan keluarga Diraja Johor sehingga hari ini.

"Tempat ini bersejarah kerana Umno ditubuhkan secara rasmi di sini. Dengan itu, ikatan di antara Umno dan istana ini serta keluarga Diraja Johor, memang rapat.

"Kita percaya hubungan ini dapat dikekalkan supaya kita dapat menikmati kerjasama yang rapat di antara istana dengan Umno yang ditubuh di istana ini," katanya yang terdahulu itu mengadap Sultan Johor di Istana Bukit Serene.

Umno secara rasmi ditubuhkan di Istana Besar di sini pada 11 Mei 1946 bagi menyatupadukan orang Melayu dalam usaha menentang gagasan Malayan Union. Ketika itu, Umno dipimpin Datuk Onn Jaafar, anak jati Johor.

Sementara itu, pada majlis jamuan berkenaan, Dr Siti Hasmah dianugerahkan Tokoh Majlis Wanita Johor (Mawar). Sultanah Johor selaku Yang Dipertua Majlis Mawar, menyampaikan anugerah itu dalam bentuk kalung emas dan sijil.

Dr Mahathir dalam ucapan di majlis penutup kejohanan badminton itu di Stadium Tertutup Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) di sini petang semalam, mahu ahli Badan-badan Amal Isteri-isteri di peringkat Pusat dan negeri merapatkan hubungan antara satu sama lain serta memberi sokongan padu kepada suami masing-masing.

(END)